

PTAR UiTM CAWANGAN SARAWAK KEKAL RELEVAN; DALAM DAN LUAR UNIVERSITI

Abang Mohd Farizan Abang Yakup

Pada 19 Julai 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak telah berkolaborasi bersama Pusat Sumber Maklumat, Hospital Umum Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak dan Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak dalam menganjurkan program “Merentasi Perbezaan, Menyatukan Hubungan” sempena sambutan Hari Sarawak yang disambut pada 22 Julai 2024.

Antara pengisian program ini adalah penganjuran bengkel Speed Reading, Pameran Hari Sarawak, Mini Quiz, pameran daripada Pustaka Negeri Sarawak dan Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak. Bengkel Speed Reading telah disampaikan oleh instruktur Speed Reading, Pustakawan, Cik Dayang Azimah binti Abang Yusof bersama Encik Dominic bin Ingggu, Pembantu Pustakawan Kanan. Bengkel Speed Reading ini disampaikan kepada peserta yang terdiri daripada kakitangan Hospital Umum Sarawak. Teknik bacaan secara pantas ini mengutamakan kepantasan membaca tanpa mengabaikan pemahaman pembaca.

Menurut Puan Nur Afeqah Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan UiTM Cawangan Sarawak; “Peranan perpustakaan pada hari ini adalah lebih mencabar. Perpustakaan bertanggungjawab dalam mempromosikan dan menyokong konsep pembelajaran sepanjang hayat melalui peningkatan kemahiran pencarian maklumat dalam meneroka cabang ilmu pengetahuan. Dengan meningkatkan kemahiran dalam cabang tersebut, ianya akan mendorong dan memupuk budaya inovasi yang boleh membantu pembangunan ekonomi, melalui pelbagai kaedah yang dipelajari daripada konsep pembelajaran yang disediakan oleh perpustakaan”.

Pengarah Hospital Umum Sarawak, Dr. Ngian Hie Ung bersama Pustakawan Pusat Sumber Maklumat, Puan Philomena Septimus Amit turut melawat tapak pameran yang disediakan; Pameran UiTM 25 tahun sebagai Universiti, pameran Hari Sarawak dan pameran oleh Pustaka Negeri Sarawak.

